

Berdebatlah Dengan Ilmu dan Kebijakan



Oleh: Aida Farisah Ahyat

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 5 Jun 2021

“Aku mampu berhujah dengan 10 orang yang berilmu tetapi aku pasti kalah dengan seorang yang jahil, kerana orang jahil itu tidak pernah faham landasan ilmu”. Mutiara kata ini dipetik dari Kitab Diwan Imam Asy- Syafi’i yang dikarang oleh Muhammad Ibrahim Salim.



Gambar Hiasan

Perkataan jahil berasal daripada perkataan Arab iaitu *Jahala* yang membawa maksud tidak tahu atau pengetahuannya tidak betul. Jahil mempunyai dua jenis iaitu ‘*jahil basith*’ dan ‘*jahil murakkab*’.

Jahil basith bermaksud mereka menyedari bahawa mereka jahil dan menerima perbahasan ilmu dengan tujuan mencapai kebenaran dan menolak kebatilan. *Jahil murakkab* pula merujuk kepada golongan yang tidak menyedari bahawa mereka jahil dan menolak perbahasan ilmu, serta mempertahankan ketabatilan agar memperoleh kemenangan.

Sesungguhnya jahil adalah sifat yang dicela oleh Allah SWT kerana boleh membawa kepada kebinasaan individu, masyarakat dan agama serta menjerumuskan negara ke arah perpecahan. Perdebatan tanpa menggunakan akal atau ilmu syariat sememangnya boleh menyakitkan hati pendengar dan akhirnya membawa kepada pertelingkahan yang teruk seperti menghina dan maki-hamun.

Allah SWT berfirman dalam surah al-A'raaf ayat 199 yang bermaksud, “Dan berpalinglah kamu dari orang-orang yang jahil.” Imam al-Qurthubi dalam tafsiran beliau ke atas ayat ini berkata, “Terdapat gesaan untuk seseorang yang berilmu itu berpaling dari golongan yang dalam kezaliman serta menjauhkan diri dari menyamai golongan yang jahil lagi tidak cerdas.”

Demikianlah sifat orang jahil yang terlalu mengikut hawa nafsu. Jadi, sebagai seorang yang berilmu, bagaimanakah cara kita menyampaikan kebenaran? Adakah kita perlu mendiamkan diri sahaja dan menerima pendapat buruk tersebut?

Menukilkan bait puisi daripada Imam Syafi'i yang bermaksud, “Apabila engkau memiliki kelebihan dan ilmu tentang apa yang diperselisihkan antara golongan terdahulu dan terkemudian. Berdebatlah dengan tenang, sopan santun, jangan mencerca dan jangan angkuh.”

Sebagai contoh, isu hangat yang sedang berlegar dalam masyarakat iaitu artis rap Malaysia, Caprice mengadakan persidangan video secara langsung bersama dua wanita Israel dalam laman *Instagram* beliau.

Persidangan itu membahaskan tentang pergelutan kemanusiaan di Palestin. Di samping itu, Caprice berani menyuarakan hak yang batil dan mengemukakan beberapa fakta berkenaan tanah jajahan Palestin yang ditindas oleh rakyat Israel.

Walaupun semakin lama perbahasan itu semakin panas, beliau tetap meneruskannya dengan penuh beradab dan beretika.

Selain itu, antara individu yang boleh dijadikan teladan kepada umat Islam pada masa kini ialah Dr Zakir Naik. Beliau merupakan tokoh ilmuwan Islam yang pakar dalam menyampaikan dakwah secara terperinci dan membidas kenyataan penganut agama lain.

Kehebatan beliau dalam menghafal kandungan pelbagai kitab seperti al-Quran, Injil, Taurat dan Zabur telah berjaya mengislamkan ribuan orang. Hal ini demikian kerana hujah yang dikemukakan oleh beliau adalah hanya berpandukan dalil-dalil yang kukuh dan benar.

Antara adab berdebat adalah perdebatan perlu mempunyai dalil dari sumber yang kukuh seperti al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Seterusnya, perdebatan yang baik adalah apabila kita menyampaikan maklumat dengan cara paling ringkas, tepat dan jelas.

Oleh itu, penguasaan ilmu dalam diri kita amat penting kerana ilmu umpama pelita yang menerangi kegelapan hidup manusia. Menuntut ilmu adalah kunci kejayaan sesebuah tamadun dalam mencapai kemajuan dan kesejahteraan hidup.

Justeru, ilmu pengetahuan adalah sangat berharga. Tanpa ilmu manusia akan berada dalam kejahilan dan kesesatan.

Jadi, marilah kita bersama-sama menuntut ilmu dari buaian hingga ke liang lahad. Gunakanlah ilmu itu dengan cara yang betul dan manfaatkanlah ilmu yang dimiliki kepada seluruh umat manusia. Akhir kata, kejarlah ilmu dengan penuh keikhlasan kerana ilmu adalah jiwa dan harta yang tidak akan hilang dan habis.